
دعوتنا



DAKWAH KITA

Oleh:

Imam As-Syaheed Hassan Al-Banna

دعوتنا

DAKWAH KITA

Terusterang
Kita ingin menerangkan kepada manusia tentang matlamat kita, kita ingin mendedahkan manhaj (method) kita kepada mereka, kita ingin mengemukakan dakwah kita kepada mereka dalam suatu bentuk yang tidak menimbulkan keraguan dan kesamaran, lebih cerah dari pancaran matahari, lebih bercahaya dari sinar pagi, malah lebih terang dari siang yang terang benderang.

Suci
Di samping itu kita ingin supaya kaum kita dan ummat muslimin seluruhnya mengetahui bahawa dakwah kita adalah dakwah yang suci dan bersih. Kesuciannya melewati batas kepentingan diri sendiri, memandangkan hina manfaat kebendaan, meninggalkan jauh di belakangnya segala bentuk hawa-nafsu dan tujuan-tujuan kepentingan, mara ke hadapan menuruti jalan yang telah digariskan Allah kepada pendakwah-pendakwah. Firman Allah:
"Katakanlah; inilah jalanku, aku menyeru kepada Allah dengan penuh kesedaran; aku dan pengikutku. Maha suci Allah dan bukanlah aku dari golongan mereka yang musyrik':
Kita tidak meminta sesuatu dari manusia, Kita tidak meminta harta dari mereka, kita tidak meminta upah dari mereka, kita tidak mengharapkan sanjungan mereka, kita tidak mengharapkan balasan dan terima kasih mereka, balasan kita dalam berdakwah ini hanyalah pada Allah yang menjadikan kita.

Kasih sayang:
Demikian juga kita mengharapkan agar bangsa kita mengetahui bahawa kita mengasihi mereka lebih dari diri kita sendiri. Kita mengharapkan mereka mengetahui bahawa jiwa-jiwa ini sanggup menjadi tebusan demi kepentingan mereka andainya ketinggian itu meminta tebusan. Jiwa-jiwa ini sanggup dicabut sebagai harga kepada keagungan mereka, kemuliaan mereka, agama dan cita-cita mereka andainya perkara-perkara ini memerlukan demikian.
Kita mengambil sikap yang demikian terhadap mereka hanyalah kerana kasih sayang telah membelenggu hati dan merajai perasaan kita, membuatkan kita tidak nyenyak tidur dan sentiasa mengalirkan air mata. Amat sukar dan luar dari kesanggupan kita melihat sesuatu menimpa bangsa kita dan kita terus menyerah diri kepada kehinaan atau merelainya, atau kita terus berputus asa. Kita bekerja untuk manusia kerana Allah lebih dari kita bekerja untuk diri kita, kita untuk kamu, bukan untuk orang lain dan kita tidak akan menjadi beban kepada kamu.
Keistimewaan dan nikmat hanya dari Allah. Kita tidak mendakwa memberi suatu nikmat, dan kita tidak menganggap bahawa kita mempunyai keistimewaan dalam hal ini, tetapi Kita percaya kepada firman Allah:
"Maka Allah lah yang mengurniakan nikmat kepadamu dengan memimpin kamu kepada keimanan seandainya kemu orang yang benar':

Kita berharap, sekiranya harapan itu memberi manfaat, agar hati-hati ini dapat diterima oleh pandangan dan pendengaran ummat kita, dengan itu mereka akan melihat; adakah pada hati- hati ini selain dari inginkan kebaikan dan rasa kasih terhadap mereka, juga pengorbanan demi mereka. Adakah mereka dapati pada hati-hati ini selain dari rasa derita yang melarat akibat dari keadaan yang kita alami sekarang.

Pun demikian cukuplah bagi kita bahawa Allah mengetahui segala apa yang di dalam hati kita. Hanya Allah tempat perlindungan yang tunggal, tempat minta pertolongan, Allah yang memberi taufik kepada jalan yang tepat, di tanganNya teraju dan kunci yang dapat membuka pintu hati. Siapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tidak ada yang akan menyesatkannya dan siapa yang sesatkan Allah maka tidak ada sesiapa yang dapat memberi pertunjuk kepadanya dan Allah tempat tumpuan harapan kita. Ia sebaik-baik tempat kita berserah. Tidakkah Allah melindungi hambanya..?

Empat jenis manusia:

Kita mengharapkan manusia menjadi salah satu dari empat golongan ini:-

Mu'min:

Sama ada beliau menjadi seorang yang beriman dengan dakwah kita, mempercayai perkataan kita dan kagum dengan prinsip-prinsip kita. Beliau melihat dalam dakwah ini sesuatu yang dapat memuaskan hati dan diterima oleh nuraninya. Kepada beliau kita menyeru supaya mengambil inisiatif untuk menggabungkan diri dan bekerja bersama-sama kita, supaya dengan penggabungannya itu bilangan mujahid akan bertambah, semoga dengan suaranya itu seruan dakwah akan bertambah kuat. Tidak ada erti bagi keimanan yang tidak diikuti dengan amal, tidak ada faedah bagi 'aqidah yang tidak mendorong tuannya untuk melaksanakan aqidah itu dan berkorban untuknya.

Demikianlah keadaannya orang-orang yang terdahulu, orang-orang yang dibukakan Allah dadanya untuk menerima hidayah Allah, lantas mereka mengikut jejak para Anbia', mereka beriman dengan risalahNya, berjihad demi risalah itu dengan jihad yang sungguh-sungguh. Mereka inilah yang dianugerahkan Allah dengan ganjaran nikmat yang maha besar, mereka akan menerima ganjaran pahala yang sama dengan pengikut-pengikut mereka dengan sedikitpun tidak mengurangkan pahala pengikut mereka.

Ragu-ragu:

Mungkin beliau seorang yang belum melihat kebenaran dalam dakwah kita, belum mengenali keikhlasan dan faedah pada apa yang kita katakan, lantas beliau terhenti dan ragu-ragu. Beliau kita tinggalkan kerana keraguannya dan kita nasihatkan beliau agar berhubung dengan kita lebih rapat, membaca tentang kita dari jauh atau dekat, mengkaji tulisan-tulisan kita, menziarahi pusat-pusat kita dan berkenalan dengan saudara-saudara kita. Dengan itu Insya Allah beliau akan puas hati terhadap kita. Demikianlah keadaannya pengikut-pengikut Rasul yang masih ragu-ragu.

Mengejar manfaat:

Atau mungkin beliau menjadi seorang yang tidak akan memberikan bantuannya kecuali setelah beliau mengetahui faedah yang akan diterimanya, keuntungan-keuntungan yang akan diperolehinya hasil dari pengorbanannya itu. Kepada beliau kita katakan: "Kasihan...... tidak ada pada kami ganjaran selain pahala dari Allah sekiranya engkau ikhlas dan balasan syurga sekiranya Allah melihat kebaikan padamu. Adapun kami....., kami miskin dari kemegahan, miskin harta benda, keadaan kami sentiasa berkorban dengan apa yang ada pada kami, berkorban dengan sesuatu yang kami miliki, harapan kami hanyalah keredhaan Allah, Dialah sebaik-baik tempat berserah dan sebaik-baik Penolong. Seandainya Allah membukakan tutupan dari hati beliau, menghilangkan kabus tamak dari nuraninya, kelak beliau akan mengetahui bahawa sesuatu yang di sisi Allah itu lebih baik dan lebih kekal, dan beliau akan menggabungkan diri ke dalam tentera Allah, murah hati dengan kemewahan dunia yang ada padanya, semoga beliau mendapat pahala di hari akhirat.

"Apa yang ada pada kamu akan binasa sedangkan apa yang ada di sisi Allah akan kekal'.

Tetapi jika berlaku sebaliknya; maka Allah Maha Kaya (tidak berhajat) dari orang yang tidak melihat keutamaan Allah pada dirinya, hartanya, dunianya, akhiratnya, mati dan hidupnya. Demikianlah keadaannya golongan yang seperti ini sewaktu mereka enggan melakukan taat setia terhadap

RasuluLlah Sallallahu 'alaihi Wasallam kecuali RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam menyerahkan segala urusan kepada mereka setelah beliau wafat. Tiada jawapan yang diberikan oleh RasuluLlah SaliaLlahu'alaihi Wasallam selain dari memberitahu mereka bahawa:
"Bumi ini adalah milik bagi Allah, akan diserahkanNya kepada hambanrya yang dikehendakinya, dan kesudahan yang baik adalah untuk orang yang bertaqwa ':

Jahat sangka:
Atau mungkin beliau seorang yang jahat sangka terhadap kita, syak dan ragu-ragunya kepada kita, beliau tidak melihat kita kecuali dengan kacamata yang hitam pekat, beliau tidak berbicara tentang kita kecuali dengan lidah yang bimbang dan ragu, beliau terus dalam keadaan terpedaya, berlarutan dalam keraguan, kekal dalam kewahamannya.
Kita berdo'a untuk beliau dan untuk kita sendiri supaya Allah menunjukkan kebenaran itu sebagai kebenaran dan memberi hidayat supaya kita mengikutinya, menunjukkan kebatilan itu sebagai suatu kebatilan dan memberi hidayat supaya kita menjauhinya.
Kita berdo'a kepada Allah supaya mengilhamkan kebijaksanaan kepada kita dan beliau. Bahkan kita seru, andainya beliau menerima seruan, beliau kita jemput andainya beliau menerima jemputan. Kita berdo'a kepada Allah untuk beliau, kerana hanya Allah tempat gantungan harapan. Allah telah menurunkan kepada RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam sepotong ayat mengenai segolongan manusia, firman Allah:
“Engkau tidak akan dapat memberi hidayat kepada mereka yang engkau kasihi, tetapi hanya Allah yang memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendakiNya ':
Dan kita sentiasa mengasihi beliau, kita mengharapkan agar beliau kembali kepada kita, puas hati dengan dakwah kita. Lambang yang menjadi pegangan kita berhadapan dengan beliau ialah apa yang telah diajarkan oleh RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam dalam sabdanya:
"Tuhanku, ampunkanlah kaumku, sesungguhnya mereka tidak mengetahui".

Kita harap manusia tergolong dalam salah satu dari golongan-golongan ini.
Telah sampai masanya seorang muslim mengetahui matlamatnya, menentukan haluannya dan bekerja sejajar dengan haluan tersebut hingga beliau mencapai matlamatnya. Namun untuk kekal dalam keadaan yang berlarutan, kekal dalam khayalan-khayalan yang indah-indah, kekal dalam nafsu yang lupa daratan, tunduk patuh dengan membabi buta, mengikut sebarang seruan yang bergema dialunkan, kesemua ini bukanlah langkah seorang muslim.

Fana
Di samping itu kita ingin supaya ummat kita mengetahui bahawa dakwah ini tidak akan sesuai kecuali bagi mereka yang mengambil keseluruhannya, menyerahkan sesuatu yang dituntut oleh dakwah ini darinya; jiwanya, hartanya, waktunya dan kesihatannya. Firman Allah:
"Katakanlah, (hai Muhammad) seandainya ibu bapa kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri kamu, handai taulan kamu, harta yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatirkan kerugiannya dan tempat tinggal yang kamu sukai lebih kamu kasihi dari Allah dan RasulNya juga jihad pada jalan Allah, maka tunggulah hingga Allah mendatangkan perintah-Nya dan Allah tidak akan memberi hidayat kepada orang yang fasiq':

Dakwah ini dakwah yang tidak sanggup diperkongsikan, kerana ketunggalan adalah sifat semulajadinya. Oleh itu sesiapa yang bersedia untuk dakwah ini, beliau akan hidup dengannya dan dakwah ini juga akan hidup dengannya. Sesiapa yang lemah dari menunaikan tanggungjawab ini beliau akan kerugian pahala jihad dan beliau akan bersama dengan mereka yang ketinggalan, tinggal bersama mereka yang berdiam diri dan Allah akan menggantikan golongan yang lain dari mereka untuk dakwah ini yang bersifat sepertimana firman Allah:

':....yang bersikap lemah lembut terhadap orang-orang mu'min, bersikap keras terhadap orang kafir, mereka berjihad pada jalan Allah, itulah kurniaan Allah, diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ':

Jelas

Kita menyeru manusia kepada satu prinsip, prinsip yang jelas, terperinci dan dapat diterima oleh semua golongan. Semua golongan mengetahui dan memahaminya mengakui kebenarannya dan mereka mengetahui bahwa penyelesaian masalah mereka, kebahagiaan mereka juga kerehatan mereka terletak pada prinsip-prinsip ini. Prinsip ini telah dibuktikan oleh percubaan dan sejarah telah menghukumkan kesesuaiannya untuk kekal, kemampuannya untuk membawa kebaikan untuk seluruh.

DUA JENIS IMAN

Setelah kita dan ummat kita menemui titik pertemuan dalam mengimani prinsip ini, di sana masih ada perbezaan antara kita dengan mereka, yang mana mereka mempunyai iman yang bisu, iman yang tidur nyenyak dalam jiwa mereka, mereka tidak mematuhi hukum dan tuntutan iman itu.

Sebaliknya di sana, di dalam jiwa kita -*dengan limpah Allah*- terdapat iman yang bergelora, menyala, kuat dan waspada.

Suatu kenyataan yang menakjubkan, dapat kita dan orang lain rasakan di dalam jiwa kita orang-orang timur, iaitu bila kita mengimani fikrah ini dan sewaktu kita membicarakannya; manusia akan mengkhayalkan bahwa fikrah tersebut telah dapat memberikan suatu tenaga yang kuat kepada kita sehingga kita dapat menghancurkan bukit bukau, kekuatan yang dapat mendorong kita berkorban jiwa, harta, menanggung penderitaan dan mengharung arus sehingga.kita memenangi fikrah ini atau fikrah ini akan menang kerana kita. Tetapi setelah bicara ini reda, perhimpunan-perhimpunan bersurai kita terus melupakan seluruh keimanan kita, lalai terhadap fikrah yang kita dokong dan kita tidak berfikir untuk bekerja demi fikrah ini, kita tidak berbicara dengan diri kita bahawa kita akan terus menggandakan jihad demi fikrah ini.

Malah boleh jadi kita berlarutan dalam kelalaian dan kealpaan sehingga kita melakukan sesuatu yang bertentangan dengan fikrah ini secara sedar atau tidak. Tidakkah anda ketawa pelik bila anda lihat seorang ahli fikir, pejuang dan berpengetahuan tinggi dalam dua masa yang berlainan boleh menjadi atheis bersama dengan orang-orang yang atheis dan menjadi ahli ibadat bersama-sama ahli ibadat.

Kecuaian, kelupaan, kelalaian, ketiduran atau katakan apa saja yang ingin anda katakan inilah yang membuatkan kita berusaha untuk menggerakkan prinsip kita ini, sedang prinsip inilah juga yang telah diterima oleh ummat kita dalam jiwa mereka, mereka yang kita kasihi.

SERUAN-SERUAN

Oleh itu saya akan kembali kepada perbicaraan saya yang pertama tadi dan saya akan katakan bahawa dakwah kita adalah dakwah prinsip. Di timur dan di barat hari ini banyak muncul dakwah-dakwah, prinsip-prinsip, fikrah-fikrah, mazhab-mazhab, pendapat-pendapat dan pertentangan-pertentangan yang kesemuanya memecah-belahkan akal fikiran manusia, kesemuanya dipertahankan oleh pendokong-pendokongnya, anak buahnya, pengikutnya, peminatnya, pemimpin-pemimpin dan muridnya. Mereka akan terus melakukan propaganda, mendakwa keistimewaan, kebaikan dakwah mereka, mereka melipatgandakan dakwaan mereka sehingga dakwah mereka muncul sebagai suatu dakwah yang menarik, mempesona dan indah.

PENYERU-PENYERU

Pendakwah-pendakwah hari ini bukan pendakwah-pendakwah masa silam, mereka berpengetahuan tinggi, cukup peralatan, terlatih dan professional, terutama di negara-negara barat, sehingga tiap-tiap fikrah itu mempunyai ketumbukan khusus yang bertugas untuk melatih kader, menerangkan perkara-perkara sulit, mendedahkan keindahan-keindahan fikrah itu, mencipta cara-cara penyibaran dan jalan-

jalan dakyah, mencari jalan yang paling mudah, senang dan paling dekat untuk memasuki jiwa manusia supaya mereka puashati dan terus menganuti fikrah itu.

WASILAH

Demikian juga wasilah dakyah hari ini bukan lagi wasilah zaman silam. Dakyah silam hanyalah merupakan kalimah-kalimah yang disampaikan dalam khutbah-khutbah atau perhimpunan-perhimpunan atau ditulis dalam risalah-risalah dan surat-surat. Tetapi wasilah hari ini adalah melalui majalah-majalah, surat-surat khabar, risalah-risalah, pementasan, cerita-cerita khayal dan radio. Kesemua wasilah ini mudah untuk sampai ke dalam hati semua manusia, lelaki dan perempuan, di rumah, di gudang-gudang perniagaan, industri dan sawah mereka.

Oleh itu adalah menjadi kewajipan kepada pendakwah-pendakwah agar pandai dan bijak menggunakan wasilah-wasilah ini supaya kerja-kerja mereka membuahkan hasil yang dikehendaki. Tidak ada gunanya saya berpanjang lebar dalam masalah ini. Sekali lagi saya kembali dan berkata bahwa dunia hari ini penuh dengan dakwah-dakwah, sama ada dakwah politik, nasionalis, patriotik, ekonomi, ketenteraan dan seruan-seruan damai. Oleh itu di manakah letaknya dakwah kita dalam adunan dakwah-dakwah ini?

Soalan ini mendorong saya berbicara dalam dua perkara:
Pertamanya tentang bentuk dakwah kita yang positif secara tulin.
Keduanya tentang sikap dakwah ini terhadap dakwah-dakwah tadi.

Saya harap saudara tidak akan menyalahkan saya kerana perbicaraan yang panjang ini, kerana saya telah menjadi tabiat saya untuk menulis sebagaimana saya bercakap dan mengupas tajuk ini dengan tidak memberat-beratkan. Cuma saya harapkan supaya pembaca dapat memahami saya sebagaimana saya memahami diri saya dan perbicaraan saya sampai ke dalam hati mereka tanpa diperindah dengan gaya bahasa.

ISLAM KITA

Dengarlah saudaraku,
Satu sifat yang memberi pengertian yang menyeluruh yang dapat kita sifatkan kepada dakwah kita ini ialah: *"Islamiyyah"*. Kalimah ini mempunyai pengertian yang luas, bukan pengertian yang sempit seperti mana yang difahami oleh kebanyakan orang. Kita berkeyakinan bahawa Islam adalah suatu pengertian yang menyeluruh, menyusun seluruh aspek, memberi fatwa dalam semua permasalahan, menentukan kepada permasalahan itu suatu sistem yang konkrit dan terperinci. Islam tidak berlepas tangan berdepan dengan permasalahan hidup dan sistem-sistem yang diperlukan untuk membawa Islam kepada manusia.
Setengah orang tersalah, memahami bahawa Islam itu hanya terbatas dalam soal-soal ibadat dan bentuk-bentuk ruhaniah sahaja. Mereka membataskan diri dan fahaman mereka di sekitar yang sempit ini sejajar dengan fahaman yang sempit terhadap Islam.

Tetapi kita tidak memahami Islam seperti fahaman itu, malah kita memahami Islam dengan fahaman yang luas, ruang lingkupnya merangkumi seluruh urusan dunia dan akhirat.
Dakwaan ini bukanlah semata-mata dakwaan kosong atau sengaja kita meluaskannya supaya sesuai dengan pendapat kita, tetapi inilah yang kita fahami dari kitab Allah dan sejarah orang-orang Islam yang terdahulu. Andainya pembaca ingin memahami dakwah kita dengan lebih luas tentang kalimah *"Islamiyyah"* beliau hendaklah memegang Al Qur'an, di samping itu beliau hendaklah membebaskan dirinya dari hawa nafsu dan kepentingan, setelah itu beliau memahami apa yang ada dalam Al Qur'an, di sana beliau akan melihat dakwah kita (Ikhwan Muslimin).

Benar, dakwah kita adalah bersifat *Islamiyyah* dengan seluruh pengertian yang terkandung dalam kalimah 'Islamiyyah' itu, setelah itu saudara fahamilah apa yang saudara mahu fahami dan dalam saudara memahami itu saudara terikat dengan kitab Allah dan sunnah RasulNya juga sejarah jejak langkah para Salihin muslimin yang terdahulu. Kitab Allah asas dan sumber Islam, manakala sunnah RasulNya berperanan sebagai menerang dan mentafsirkan Al Qur'an, manakala sejarah dan jejak langkah para salihin pula; mereka adalah gulungan yang telah diredhai Allah, telah melaksanakan perintah Allah dan menerima ajarannya dan mereka adalah merupakan contoh yang praktik dan gambaran yang menjelmakan perintah dan ajaran itu.

SIKAP KITA TERHADAP DAKWAH-DAKWAH LAIN

Sikap kita terhadap berbagai bentuk dakwah yang telah melakukan kezaliman pada hari ini hingga memecahbelahkan perpaduan dan mengusutkan fikitan ialah dengan membandingkannya dengan dakwah kita. Sesuatu yang cocok dengan dakwah kita, kita alu-alukan dan sesuatu yang bercanggah dengannya kita adalah bebas dan tidak terikat dengannya. Kita meyakini bahwa dakwah kita adalah umum, dakwah yang tidak meninggalkan sudut-sudut yang baik pada mana-mana dakwah, malah dakwah ini telah merangkumi dan menunjukkannya.

PATRIOTIK

Kadangkala manusia terpesona dengan seruan patriotik, kadangkala terpesona pula dengan seruan nasionalis, lebih-lebih lagi di timur ini, di mana timur merasa kejerihan paksaan dan tekanan barat terhadapnya, sehingga barat dapat merampas keagungannya, kehormatannya dan kebebasannya, merompak harta dan menghisap darahnya, di mana bangsa-bangsa timur merasa kejerihan memikul tanggungiawab yang dipikulkan ke atas pundaknya.
Bangsa-bangsa timur cuba melepaskan diri dari cengkaman barat dengan segenap daya usaha dan kekuatannya, dengan perasaan cekal dan jihad, lantaran itu lantanglah lidah-lidah para pemimpin, surat-surat khabar mengambil peranan mengikut arus, para penulis pun menulis, ahli-ahli pidato terus berpidato, melaunglah mereka yang melaung atas nama patriotik dan keagungan nasionalis.

Keadaan ini ada baiknya, tetapi yang menjadi cacat dan tidak baik ialah; sewaktu anda menyuarakan kepada bangsa timur yang berugama Islam bahwa patriotik dan nasionalis dalam Islam lebih sempurna, lebih bersih, lebih tinggi dan hebat dari apa yang dilaungkan oleh barat dan penulis-penulisnya, bangsa timur yang Islam tadi enggan menerima pendapat saudara, bahkan mereka terus larut dalam taklid mereka.
Mereka akan mengemukakan pendapat mereka kepada saudara bahawa Islam tidak kena mengena dengan nasionalis dan patriotik, malah Islam berada di satu pihak, manakala nasionalis dan patriotik di satu pihak yang lain. Sebahagian mereka menyangka bahawa Islam inilah yang memecah kesatuan ummat dan melemahkan ikatan angkatan mudanya.

Salah faham ini adalah merupakan satu bahaya terhadap bangsa-bangsa timur dilihat dari semua sudut. Bertolak dari salah faham ini, di sini saya ingin mengemukakan sikap kita (Ikhwan Muslimin) dan dakwah mereka terhadap fikrah patriotik dan nasionalis, satu sikap yang mereka redhai untuk diri mereka dan sikap yang mereka cuba agar orang lain meredhainya.

Patriotik kasihsayang:

Sekiranya patriotik yang dilaungkan oleh mereka itu bermaksud rasa kasih sayang terhadap tanah air, merasa mesra dengannya, cinta dan merasa belas terhadapnya, maka ini adalah sesuatu yang telah tersedia dalam fitrah manusia dari satu sudut. Dari satu sudut yang lain pula ianya adalah merupakan suatu perintah dalam Islam. Bilal yang mengorbankan segenap apa yang ada pada dirinya demi akidah dan agamanya, adalah juga Bilal yang merakamkan rasa kerinduannya terhadap Makkah dalam serangkai sya'er yang meresapkan rasa kehalusan dan kemanisan:

Alangkah indahnya malam ini jika aku dapat bermalam di pinggir anak sungai, di kelilingku Azakhir dan Jalil dapatkah aku mengunjungi pesisiran Majnah dapatkah aku melihat Sham dan Tufail.....

Dan RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam mendengar Usail menggambarkan keindahan Makkah lantas air matanya mengalir rindukan kota Makkah, beliau pun bersabda: "Wahai Usail, biarkanlah hati-hati ini tenteram. "

Patriotik keagungan dan kemerdekaan:
Sekiranya patriotik yang mereka maksudkan itu bererti kewajipan bekerja dengan seluruh tenaga dalam usaha memerdekakan negara dari tangan perampas-perampas, memenuhkan tuntutan kemerdekaan dan menanam prinsip keagungan dan kemerdekaan dalam jiwa anak-anak negara itu, maka dalam hal ini juga kita bersama-sama dengan mereka dan Islam telah mendesak perkara ini dengan desakan yang sungguh-sungguh.
Allah berfirman:
"Keagungan itu bagi Allah, RasulNya dan bagi orang-orang mu'min, tetapi orang-orang munafiq tidak menge tahui': Firman Allah lagi:
“Allah tidak menjadikan (melapangkan) jalan bagi orang-orang kafir untuk mengatasi orang-orang mu'min ':

Patriotik kemasyarakatan:
Sekiranya mereka maksudkan dengan patriotik itu mengeratkan pertalian antara penduduk serantau dan membimbing mereka agar menggunakan kekuatan yang ada pada mereka untuk kebaikan mereka, kita juga bersetuju dengan mereka dalam hal ini dan Islam memandangnya sebagai suatu kewajipan yang pasti. RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam telah bersabda: *"Jadilah kamu hamba-hamba Allah sedangkan kamu dalam keadaan bersaudara".* Allah juga berfirman:
"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menjadikan teman kepercayaanmu orang-orang yang luar dari keluargamu, mereka tidak akan henti-hentinya melakukan kemudaratan terhadapmu. Mereka menyukai sesuatu yang menyusahkan kamu, telah ternyatalah kebencian dari mulut mereka dan apa yang disembunyikan hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami terangkan kepadamu ayat-ayat (tanda) jika kamu memahaminya ".

Patriotik penaklukan:
Sekiranya patriotik yang mereka laungkan itu bermaksud pembukaan negara-negara dan menguasai bumi, maka Islam telah memfardhukannya dan mengarahkan penakluk-penakluk kepada penaklukan dan pembukaan yang lebih baik dan membawa manfaat kepada mereka yang ditakluk. Firman Allah:
"Perangilah mereka sehingga fitnah tidak berlaku lagi uan sehingga agama itu hanya untuk Allah semata mata ".

Patriotik perkauman:
Sekiranya patriotik yang mereka laungkan itu bermaksud perpecahan ummat kepada puak-puak yang sentiasa bertarung, bercakaran, memaki hamun dan luntar meluntar tuduhan, mengkhianati antara satu sama lain, berpecah-belah kerana suatu manhaj yang tidak bernilai, manhaj (method) yang direncanakan oleh hawanafsu, dibentuk oleh tujuan-tujuan dan kepentingan, ditafsirkan oleh faham-faham yang sesuai dengan maslahat perseorangan, sedangkan musuh mengambil kesempatan ini untuk maslahatnya di samping menambah-nyalakan api yang memecahbelahkan mereka dari kebenaran, malah menyatukan mereka pada kebatilan, menjauhkan mereka dari berhubung dan bekerjasama antara satu sama lain, sehingga pihak musuh dapat merongkaikan ikatan perhubungan mereka dan menempatkan dirinya di tempat perhubungan mereka dan menempatkan dirinya di tempat perhubungan itu, menarik mereka agar bergantung di keliling pinggangnya, lantas mereka tidak melakukan lawatan kecuali ke negara-negara musuh, tidak melakukan hubungan kecuali dengan

pelawat-pelawat yang datang dari negara musuh. Patriotik yang seperti ini adalah patriotik palsu, tidak mendatangkan kebaikan sama ada kepada penyeru-penyerunya atau untuk manusia keseluruhan.

Sekarang saudara telah dapat melihat bahawa kita adalah bersama-sama dengan penyeru-penyeru patriotik, malah kita hersama dengan extremist patriotik dalam beberapa pengertian yang mendatangkan kebajikan kepada negara dan manusia. Di samping itu saudara juga telah melihat bahawa patriotik yang panjang lebar ini tidak keluar dari satu juzuk ajaran-ajaran Islam.

Batas patriotik kita:
Titik perselisihan antara kita dengan pendokong-pendokong patriotik ialah, kita menganggap bahawa batas patriotik kita ialah aqidah, sedang mereka menganggap bahawa batas patriotik itu adalah berdasarkan bumi dan sempadan geography.

Bagi kita, setiap bumi yang didiami oleh muslim yang mengucap kalimah adalah watan yang mempunyai hak kehormatan dan kesucian, berhak untuk dikasihi, ikhlas terhadapnya dan berjihad untuk kebaikannya. Setiap muslim yang berada di daerah geography itu adalah keluarga kita dan saudara kita, kita mengambil berat tentang mereka, kita merasakan apa yang mereka rasa.
Tetapi tidak demikian keadaannya bagi mereka yang memperjuangkan patriotik, mereka tidak akan mengambil berat kecuali perkara-perkara yang bersangkut paut dengan suatu daerah yang terbatas sempadannya. Perbezaan ini akan lebih jelas dari sudut amali bila suatu ummat dari ummat-ummat ini cuba memperkuatkan dirinya dengan menekan ummat yang lain. Kita tidak merelai penekanan itu berlaku ke atas mana-mana daerah Islam, yang kita kehendaki ialah kekuatan ummat Islam seluruhnya. Tetapi pejuang-pejuang patriotik menganggap perkara ini tidak menjadi suatu kesalahan. Bertolak dari sini berlakulah perpecahan dan kelemahan, pihak musuh pula bertindak melaga-lagakan antara satu sama lain.

Matlamat patriotik kita:
Apa yang kita bicarakan tadi hanyalah dipandang dari satu sudut. Selain dari itu di sana masih terdapat sudut yang lain iaitu sudut matlamat. Matlamat pejuang-pejuang patriotik ialah semata-mata untuk membebaskan negara mereka. Seandainya mereka bekerja untuk memperkuatkan negara itu setelah pembebasannya, kerja-kerja itu hanyalah akan berligar di sekitar pembinaan kebendaan seperti mana yang dibuat oleh negara-negara Eropah hari ini.
Tetapi bagi kita, kita meyakini bahawa tiap-tiap seorang muslim adalah memikul tanggungiawab yang dipikulkan di atas pundaknya, beliau haruslah mengorbankan dirinya, darah dan hartanya demi menunaikan amanah ini, amanah untuk memberikan hidayat nur Islam kepada manusia, amanah untuk mengibarkan panji-panji Islam di seluruh pelusuk bumi ini dengan tidak mengharapkan ganjaran harta, kemegahan, kekuasaan dari seorang dan tidak juga mengabdikan sesuatu bangsa. Sesuatu yang beliau harapkan ialah keredhaan Allah dan kebahagiaan alam sejagat menerusi agamanya juga menegakkan kalimah Allah.
Inilah yang mendorong para salihin yang terdahulu untuk melakukan penaklukan mereka yang suci, penaklukan yang telah menakjubkan dunia dan mengatasi sesuatu yang pernah dikenal sejarah, baik dari sudut kepantasan, keadilan, kebijaksanaan dan keistimewaannya.

Perpaduan:
Saya ingin mengingatkan suadara kesilapan pemimpin yang mengatakan bahawa dengan mengikut prinsip ini akan memecahkan perpaduan ummat yang terdiri dari berbilang bangsa dan agama, kerana Islam adalah agama perpaduan dan persamaan. Ikatan ini akan dapat menjamin perpaduan antara semua selama mereka bekerjasama untuk kebaikan. Firman Allah:

"AIlah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap mereka yang tidak memerangi kamu dalam agama dan tidak mengusir kamu keluar dari negara kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil'.

OIeh itu dari manakah datangnya perbezaan? Setelah ini tidaklah saudara dapat melihat betapa kita lebih tinggi dari extremist patriotik dalam menyintai kebaikan untuk negara, berjihad untuk kebebasan, kebaikan dan kemajuannya.Kita bekerja dan menyokong sesiapa yang berusaha dengan ikhlas ke arah ini, malah saya ingin supaya saudara mengetahui bahawa seandainya tanggungjawab mereka akan berakhir dengan kejayaan mereka memperjuangkan kemerdekaan negara dan mengembalikan keagungannya, tetapi bagi Ikhwan Muslimin perkara itu baru hanya separuh jalan atau merupakan satu period, setelah itu mereka harus bekerja untuk mengibarkan panji-panji watan Islam di seluruh pelusuk alam dan mengibarkan panji-panji Al Qur'an di setiap inci bumi Allah ini.

NASIONALIS

Sekarang saya akan berbicara dengan saudara tentang sikap kita Ikhwan Muslimun terhadap prinsip nasionalis.

Nasionalis ketinggian:

Sekiranya nasionalis yang dimaksudkan oleh mereka yang berbangga dengan prinsip ini ialah generasi mendatang harus mengikut generasi yang terdahulu di sudut kemuncak ketinggiannya, kebesarannya, pintar dan mempunyai himmah tinggi; orang yang terdahulu mestilah menjadi contoh yang baik kepada generasi mendatang; kebesaran nenek moyang adalah sesuatu yang dibanggakan oleh anak cucu dan mereka mendapat semangat dan ruh didorong oleh hubungan keturunan, maka ini adalah suatu tujuan baik yang kita galakkan dan kita terima.

Adakah di sana suatu bekalan bagi kita untuk membangunkan himmah generasi sekarang kecuali dengan meniupkan keagungan generasi yang silam. Boleh jadi isyarat telah ada untuk tujuan ini dalam sabda RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam … *"Manusia itu galian, mereka yang terpilih dalam jahiliahnya, mereka itulah juga yang terpilih sesudah Islamnya sekiranya mereka faham".*

Sekarang saudara telah melihat bahwa Islam tidak menegah nasionalis dengan pengertian yang tinggi dan baik ini.

Nasionalis ummat:

Sekiranya yang dimaksudkan dengan nasionalis itu bahawa; keluarga seseorang itu juga ummatnya adalah manusia yang lebih utama untuk menerima kebaikannya, lebih berhak untuk menerima ihsan dan hasil jihadnya, ini juga adalah benar dan hak. Siapakah yang tidak menganggap bahawa kaum tempat beliau dilahirkan dan dibesarkan itulah manusia yang lebih berhak menerima hasil penat lelahnya. Penya'er berkata:

Demi umurku, sebaik peninggalan seorang ialah kabilahnya
sekalipun mereka itu di puncak awan dan beliau di perut bumi.

Nasionalis penyusunan:

Sekiranya yang dimaksudkan dengan nasionalis itu bahawa kita pada keseluruhannya adalah dituntut agar bekerja dan berjihad; tiap-tiap jamaah berkewajipan mencapai matlamat masing- masing hingga Insya Allah kita bertemu di satu kemuncak kemenangan, maka inilah pembahagian yang direstukan.

Siapa lagi yang kita harapkan selain dari mereka yang mendorong ummat- ummat timur dalam beberapa kumpulan, tiap-tiap kumpulan bekerja di medan masing-masing, hingga kita seluruhnya bertemu pada satu kemuncak kemerdekaan dan kebebasan yang gemilang.

Seluruh pengertian ini dan pengertian yang seumpamanya adalah satu pengertian nasionalis yang baik dan mengkagumkan. Islam tidak menolaknya -*sedang Islam adalah neraca kita*- malah kita membukakan dada kita menerima dan menggalakkannya.

Nasionalis jahiliah:
Tetapi sekiranya nasionalis yang dimaksudkan itu untuk menghidupkan semula adat-adat jahiliah yang telah pupus, menegakkan kembali kenang-kenangan lama yang telah luput, mengenepikan kemajuan yang mendatangkan manfaat yang telah stabil kedudukannya, lepas-bebas dari ikatan dan pertalian Islam dengan alasan nasionalis dan berbangga dengan keturunan dan jenis, sebagaimana yang dilakukan oleh setengah-setengah negara yang melampau dalam menghancurkan lahiriah Islam dan kebangsaan Arab, dengan menghapuskan tulisan dan bahasa, menghidupkan adat-adat jahiliah yang rendah mutunya, ini adalah pengertian nasionalis yang terkutuk, mendatangkan akibat yang merugikan dan buruk padahnya, membawakan kerugian kepada bangsa timur, melenyapkan perpaduannya, merendahkan statusnya, hilang keistimewaannya yang tersendiri, pupus lahiriahnya, kemuliaan dan kebiiaksanaannya yang kudus. Keadaan yang seperti ini tidak akan menjejaskan Islam itu sendiri. Firman Allah:
"Andainya kama berpaling tadah, Allah akan menggantikan kaum yang lain dari kamu, kemudian mereka tidak akan seperti kamu ':

Nasionalis permusuhan
Ataupun nasionalis yang dimaksudkan ialah kebangsaan jenis dan darjat dengan memandang rendah dan memusuhi jenis yang lain, mengorbankan jenis yang lain demi kemegahan dan keutuhan satu ummat sebagaimana yang telah dilakukan oleh Jerman dan Itali, malah sebagaimana yang telah dilaungkan oleh ummat yang mendakwa bahawa merekalah ummat yang tinggi darjatnya dari ummat yang lain maka pengertian ini adalah suatu pengertian yang terkutuk dan tidak sedikitpun mengandungi pengertian kemanusiaan kerana dengan pengertian ini manusia akan berbunuh-bunuhan sesama sendiri demi mengejar bayang-bayang yang tidak wujud pada hakikatnya dan tidak sedikitpun membawa kebaikan.

Dua asas:
Ikhwan Muslimun tidak mengimani pengertian nasionalis yang seperti ini dan pengertian-pengertian yang seumpamanya. Mereka tidak mengatakan Firaunian, Arabian, Finikian atau Surian.
Mereka tidak mengatakan satu pun istilah-istilah dan nama-nama yang digunakan orang lain, tetapi mereka beriman dengan apa yang telah disediakan oleh RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam sebagai manusia yang sempurna, malah guru yang paling sempurna, guru yang telah mengajarkan kebaikan kepada manusia dalam sabdanya: *"Allah telah menghapuskan daripada kamu keangkuhan jahiliyyah dan kesombongannya dengan nenek moyangnya, semua manusia dari Adam dan Adam dari tanah. Tidak ada kelebihan bagi orang 'Arab dari orang 'Ajam (bukan Arab) kecuali dengan sifat taqwa'*: Alangkah menarik, indah dan adilnya, semua manusia dari Adam, dari sudut ini mereka adalah sama, tinggi rendah manusia adalah berdasarkan amalnya.

Oleh itu kewajipan mereka ialah berlumba-lumba melakukan amal kebajikan. Dua asas yang kuat, seandainya manusia dibina di atas dua asas ini, kemanusiaan akan meningkat tinggi, setinggi langit. Manusia dari Adam dan dengan demikian mereka adalah bersaudara. Kewajipan mereka ialah bekerjasama, damai antara satu sama lain, mengasihani antara sesama mereka dan menunjukkan arah kebaikan sama sendiri. Tinggi dan rendah adalah berdasarkan amal. Oleh itu seharusnya mereka bersungguh-sungguh di bidang masing-masing agar kemanusiaan kelak melunjak tinggi. Adakah saudara lihat insaniah yang lebih tinggi dari itu, atau adakah saudara melihat didikan yang lebih istimewa dari didikan ini?

Sifat-sifat khusus bangsa Arab:
Di samping itu kita tidak mengingkari sifat-sifat khusus dan keistimewaan akhlak sesuatu bangsa, kita mengetahui bahawa tiap-tiap bangsa itu mempunyai keistimewaan, kelebihan dan akhlak yang

tersendiri. Kita mengetahui bahawa semua bangsa tidak sama dalam hal ini tetapi ini bukanlah bererti mana-mana bangsa itu boleh menjadikan keistimewaan itu sebagai bibit permusuhan malah mereka haruslah menjadikannya sebagai satu wasilah untuk menunaikan tanggungiawab yang telah dipikulkan oleh semua bangsa tadi, tanggungiawab untuk membangunkan insaniah.
Boleh jadi saudara tidak mendapati dalam sejarah satu bangsa di bumi ini yang memahami pengertian ini sebagai mana yang telah difahami oleh ketumbukan bangsa Arab yang terdiri dari sahabat-sahabat RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam.

Perbicaraan yang panjang ini adalah menurut tuntutan perbincangan dan saya tidak ingin meneruskannya hingga perbicaraan ini membawa kejemuan, oleh itu saya akan kembali kepada apa yang kita bicarakan.

Ikatan 'aqidah

Setelah perkara ini jelas kepada saudara, ketahuilah, semoga Allah akan menolong saudara, bahawa Ikhwan berpendapat manusia ini terbahagi kepada dua golongan jika dibandingkan dengan Ikhwan.
Sebahagiannya ialah mereka yang beri'tiqad sebagaimana i'tiqad Ikhwan Muslimin terhadap agama dan kitab Allah, beriman dengan kebangkitan Rasul dan apa yang dibawanya. Mereka ini mempunyai hubungan yang suci dengan kita – hubungan 'aqidah. Manakala hubungan 'aqidah bagi kita lebih kukuh dari hubungan darah dan bumi, merekalah kaum keluarga kita yang lebih hampir, kita untuk mereka, kita bekerja untuk mereka, kita rela binasa demi mempertahankan mereka, kita tebus mereka dengan jiwa dan harta kita tanpa mengira di bumi mana mereka berada dan dari darah mana asal keturunan mereka.
Tetapi kaum yang tidak beri'tiqad seperti i'tiqad kita dan masih belum berhubung dengan kita dengan hubungan 'aqidah, kita akan mengambil sikap damai terhadap mereka selagi mereka bersikap damai terhadap kita. Kita ingikan kebaikan mereka selagi mereka tidak memusuhi kita. Kita menganggap bahawa mereka ada hubungan dengan kita, hubungan dakwah. Adalah menjadi kewajipan kita menyeru mereka menganuti 'aqidah kita, kerana di sanalah kebaikan insaniyyah seluruhnya. Kita haruslah menuruti jalan-jalan yang telah ditentukan oleh agama ini untuk kejayaan dakwah. Kalau ada di antara mereka yang memusuhi kita, kita akan menjauhkan permusuhan itu dengan cara yang paling baik, jalan yang pernah dilakukan dalam usaha menolak permusuhan. Sekiranya saudara inginkan bukti yang demikian dari kitab Allah, maka dengarlah firman Allah ini:
“ Sesungguhnya orang-orang mu'min itu bersaudara, maka damaikanlah antara saudara kamu':
"Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku 'adil terhadap mereka yang tidak memerangi kamu dalam agama dan tidak mengusir kamu keluar dari negara kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil. Hanya sanya Allah melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu mereka yang memerangi kamu dalam agama, mengusir kamu keluar dari negara kamu dan membantu orang lain untuk mengusir kamu ".

Mudah-mudahan dengan ini saya telah mendedahkan kepada saudara satu sudut dari dakwah kita, satu pendedahan yang dapat menghilangkan kesamaran dan kekaburan dalam hati saudara. Mudah-mudahan dengan ini saudara telah mengetahui di pihak mana Ikhwan Muslimun berada.

BERDEPAN DENGAN PERSELISIHAN PENDAPAT DALAM AGAMA

Sekarang saya akan berbicara dengan saudara tentang dakwah kita berdepan dengan perselisihan-perselisihan pendapat dalam agama dan pendapat mazhab-mazhab.

Perpaduan, bukan perpecahan:

Pertama ketahuilah -- *semuga Allah akan membukakan kepada saudara* -- bahawa dakwah Ikhwan Muslimin tidak dibataskan kepada golongan-golongan tertentu, tidak juga menyebelahi mana-mana pendapat yang terkenal di kalangan orang ramai dengan satu bentuk yang tertentu. Dakwah Ikhwan adalah dakwah yang suci bersih dan tidak dikotori dengan sebarang warna, dakwah yang menyertai

kebenaran di mana saja kebenaran itu berada, dakwah yang suka kepada kata sepakat, bencikan pengasingan diri.
Sesungguhnya bala besar yang menimpa orang Islam ialah perpecahan dan perselisihan. Dan asas kemenangan mereka ialah kasih sayang dan kesatuan.
Tidak ada sesuatu yang dapat memperbaiki generasi terakhir ummat ini kecuali sesuatu yang telah dapat memperbaiki generasi yang terdahulu. Itulah formula asasi dan matlamat yang jelas bagi setiap saudara Islam, itulah 'aqidah yang termetri dalam sanubari kita, dari sana kita muncul dan ke sana kita seru.

Perselisihan pendapat satu kepastian:
Di samping itu kita mengimani bahawa perselisihan pendapat dalam masalah cabang agama adalah menjadi satu kepastian, dan kita tidak akan dapat kata sepakat dalam masalah-masalah cabang, pendapat-pendapat dan mazhab-mazhab. Hal ini adalah kerana beberapa sebab;
Diantaranya:
Kekuatan akal dalam mengeluarkan istinbat hukum tidak sama, demikian juga tidak sama dalam memahami dalil-dalil, menyelami pengertian-pengertian yang mendalam, juga tidak sama dalam menghubungkan suatu hakikat dengan hakikat yang lain, sedangkan agama adalah merupakan ayat-ayat dan Hadith-Hadith yang ditafsirkan oleh akal dan pendapat dalam batas-batas bahasa dan kaedah-kaedah yang tertentu.
Dalam soal ini kemampuan manusia tidak sama, oleh itu perselisihan pendapat adalah satu kepastian.
Bertolak dari sinilah sempit dan luasnya ilmu seseorang. A, sampai kepada suatu peringkat yang tidak dapat dicapai oleh B, demikianlah seterusnya. Imam Malik telah berkata kepada Abi Ja'afar: *"Sesungguhnya para sahabat RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam telah terpisah di kota-kota dan tiap-tiap kamu itu mempunyai ilmu, sekiranya engkau memaksa mereka mengikut satu pendapat sahaja akan berlakulah fitnah ':*
Termasuk juga dalam persoalan ini ialah perbezaan suasana keadaan masyarakat. Pelaksanaan hukum berbeza menurut perbezaan suasana ini. Saudara lihat Imam Shafie sendiri membawa fatwa dengan pendapatnya yang terdahulu (Qaul qadim) di 'Iraq berlainan dengan fatwanya yang baru (Qaul jadid) di Mesir, sedang beliau dalam dua keadaan ini memilih sesuatu yang jelas dan nyata baginya dengan tidak mengenepikan hak dan kebenaran dalam kedua-dua fatwanya itu.
Selain dari itu termasuk juga dalam masalah khilafiyyah ini perasaan puashati terhadap sesuatu riwayat Hadith sewaktu menerimanya. Kadangkala kita dapati seorang periwayat itu dipercayai (thiqah) menurut imam A, tidak ragu-ragu menerima sesuatu darinya, sedangkan pada waktu yang sama dan periwayat tersebut mempunyai kecacatan (illah) menurut imam B, berdasarkan pengetahuannya terhadap periwayat itu.
Termasuk juga dalam soal khilafiyyah ini perbezaan penilaian masing-masing terhadap dalil-dalil. Misalnya: A menganggap amalan orangramai lebih diutamakan dari *khabar Ahad*, sedangkan B berpendapat sebaliknya, begitulah seterusnya.

Ijma' dalam perkara cabang tidak dapat dilakukan
Kesemua sebab-sebab di atas membuatkan kita berkeyakinan bahawa iima' (kata sepakat) dalam suatu perkara cabang agama adalah suatu kemustahilan malah ianya bercanggah dengan tabiat agama itu sendiri. Sesuatu yang dikehendaki Allah ialah agar agama ini kekal sesuai untuk semua keadaan dan masa, cocok untuk semua zaman, dengan itu ternyatalah agama ini mudah, mencala, ringan, lembut, tidak jumud dan tiada kekerasan.

Maaf di atas perselisihan kita:
Kita mempunyai keyakinan demikian, oleh itu kita minta maaf sungguh-sungguh kepada mereka yang berselisih pendapat dengan kita dalam setengah-setengah masalah cabang dan kita berpendapat bahawa perselisihan ini bukanlah menjadi suatu halangan kepada pertalian hati, kasih sayang dan

bekerjasama untuk kebaikan, tidak menjadi halangan kepada pengertian Islam yang menyeluruh dengan batasnya yang istimewa dan kandungannya yang luas hingga dapat menghimpunkan kita dan mereka dalam satu rumpun.
Bukankah kita Islam dan mereka juga Islam? Tidakkah kita ingin patuh kepada hukum yang menenangkan hati kita dan mereka juga demikian? Tidakkah kita dituntut mengasihi saudara kita seagama sebagaimana kita mengasihi diri kita? Oleh itu apakah yang menyebabkan perselisihan? Kenapa pendapat kita tidak dapat dijadikan sebagai satu pendapat yang masih boleh dibincangkan. Demikian juga sebaliknya pendapat mereka? Kenapa kita tidak bertolakansur dalam suasana yang hening dan kasih sayang sekiranya di sana masih ada sebab-sebab yang mendorong kita bertolak ansur?

Para sahabat RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam berselisih pendapat antara satu sama lain dalam memberi fatwa, tetapi adakah perselisihan ini membawa perselisihan dalam hati mereka? Adakah perselisihan ini memecahkan perpaduan atau ikatan mereka? Bukankan perselisihan mereka dalam menentukan sembahyang asar di Quraizah merupakan satu contoh paling baik ?

Sekiranya para sahabat berselisih sama sendiri sedangkan mereka adalah orang yang paling hampir kepada zaman Nubuwwah, orang yang paling 'arif tentang *qarinah-qarinah* hukum, kenapa kita bercakaran sama sendiri kerana masalah khilafiyyah yang remeh dan tidak penting?
Sekiranya para imam yang terdahulu telah berselisih pendapat antara satu sama lain, berbahas antara sesama mereka, kenapa kita tidak menerima apa yang telah mereka terima? Sekiranya perselisihan pendapat telah berlaku dalam masalah cabang yang masyhur dan nyata seperti azan yang dilaungkan lima kali sehari, sedangkan di sana banyak nas-nas dan athar yang bersangkutan dengan masalah ini sebagai tempat rujukan. Bagaimana pula pendapat saudara dalam masalah terperinci (detail) yang hanya dirujukkan kepada pendapat dan istinbat.

Kemudain di sana masih ada suatu perkara yang perlu diperhatikan iaitu dulu, bila perselisihan berlaku, orang ramai akan merujuk kepada "Khalifah" yang menjadi imam. Dia (khalifah) akan bertindak memberi kata putus. Kata putus ini akan menamatkan perselisihan, tetapi sekarang di manakah khalifah itu? Kalau inilah permasalahannya, maka perkara utama bagi ummat Islam hari ini ialah mencari seorang khalifah, setelah persoalan ini selesai mereka akan dapat membentangkan kaedah-kaedah yang mereka pegang kepada khalifah. Perselisihan sekarang jika berlarutan tanpa tempat rujuk akan membawa pula kepada perselisihan yang lain pula.

Ikhwan Muslimin mengetahui sudut ini, oleh itu *kita melapangkan dada* terhadap orang yang berselisih pendapat dengan kita. Kita berpendapat bahawa tiap-tiap kaum itu mempunyai ilmu pengetahuan yang tersendiri. *Kita juga berpendapat bahawa tiap-tiap dakwah itu ada kebenaran dan kesalahannya*, kita tunduk kepada kebenaran dan menerimanya. Kita mencuba dengan sedapat daya dan dengan lemah-lembut agar pihak yang berselisihan dengan kita menerima pendapat kita dengan puashati, sekiranya mereka puashati maka itulah yang diharapkan, tetapi sekiranya mereka tidak berpuashati *mereka adalah tetap sebagai saudara dalam agama*, kita berdoa agar Allah memberi hidayat kepada kita dan mereka.

Inilah manhaj Ikhwan Muslimin berdepan dengan orang yang berselisih pendapat dengan mereka dalam masalah cabang agama Allah. Saya dapat menyimpulkan kepada saudara bahawa Ikhwan Muslimin *mengharuskan perselisihan pendapat, benci kepada sifat fanatik kepada mana-mana pendapat, mereka berusaha untuk mencapai kebenaran dan hak, mendorong manusia untuk mencapai kebenaran dan hak ini dengan jalan yang paling lembut dan kasih sayang.*

RAWATAN

Diagnosis:

Saudaraku, ketahui dan pelajarilah bahawa kekuatan ummat, kelemahannya, mudanya, tuanya, sihat dan sakitnya sama keadaannya dengan tubuh badan manusia. Kadangkala saudara lihat seorang itu sihat 'aflat, kuat dan seiahtera, tiba-tiba saudara lihat beliau diserang dan diratah penyakit, susuk tubuhnya digugat penyakit tersebut, beliau meratap dan melaung kesakitan, hinggalah rahmat Allah mendatang padanya dengan munculnya seorang doktor yang mahir dan bijak, mengetahui di mana tempat penyakit itu, pandai mengesan dan mengenali penyakit itu serta ikhlas dalam memberi rawatan. Setelah beberapa ketika saudara lihat pesakit itu kembali kepada kekuatannya yang asal dan kesihatannya telah pulih seperti sediakala, malah boleh jadi keadaannya setelah menerima rawatan lebih baik dari sebelumnya.

Demikian jugalah yang berlaku kepada sesuatu ummat, sentiasa terdedah kepada kejadian-kejadian zaman yang menggugat keutuhannya, menggegar binaannya, menular ke dalam sendi kekuatannya sebagaimana menularnya penyakit, sering memperdaya dan mencari peluang hingga dapat menewaskannya, hinggalah ummat itu kelihatan kerdil dan lemah, menjadi idaman mereka yang rakus, dapat ditewaskan oleh perompak dan ummat ini tidak mempunyai kekuatan untuk bertindak menentang perompak tadi. Mereka tidak bertenaga untuk menahan kebuasan yang bermaharajalela.

Penyakit ini hanya dapat diubat dengan tiga perkara:

1. Mengetahui tempat penyakit itu
2. Sabar menanggung keperitan, menerima rawatan dan
3.Doktor yang dapat memberikan rawatan hinggalah dengan kekuasaan Allah matlamat akan tercapai dengan sembuhnya penyakit dan beroleh kesejahteraan.

Percubaan dan kejadian telah mengajar kita bahawa penyakit yang menyerang lahiriah kehidupan ummat timur ini banyak sudut dan bentuknya.

Dari <u>sudut siasah</u>, timur diserang dengan penjajahan musuh dari satu pihak, manakala di pihak yang lain timur diserang peyakit perpecahan parti, permusuhan dan perpecahan sama sendiri.

Di <u>sudut ekonomi</u>, timur diserang dengan penularan penyakit riba di semua lapisan masyarakat di sainping syarikat-syarikat asing yang menopoli penghasilan dan kekayaan timur.

Di <u>sudut fikiran,</u> timur diserang dengan krisis aliran fikiran yang simpangan perinang, keluar dari landasan yang sebenar, mulhid yang meruntuhkan aqidah dan menghancurkan nilai-nilai ketinggian dalam jiwa generasinya.

Di <u>sudut kemasyarakatan</u> timur diserang krisis pembebasan dari adat resam dan akhlak, bebas dari nilai-nilai insaniyyah yang diwarisi dari nenek moyangnya. Demikian juga diserang dengan penyakit meniru barat yang menular dalam segenap bidang seperti menularnya bisa dalam tubuh yang meracuni darah hingga mengeruhkan kejernihan dan kesentosaannya. Diserang dengan undang-undang ciptaan manusia yang tidak dapat menghalang dan memberi amanah pengaiaran kepada penjenayah, tidak dapat mengajar pelampau dan tidak dapat menghapuskan kezaliman, tidak dapat menandingi undang-undang langit yang diturunkan oleh pencipta alam, raja dari segala raja, pencipta dan pendidik segala jiwa. Diserang dengan krisis dalam sistem pelajaran dan pendidikan yang menghalang ujudnya satu pimpinan yang sihat untuk kebangunan timur, menghalang tokoh-tokoh masa depan dan pemikul amanah dari menunaikan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan timur.

Di <u>sudut kejiwaan,</u> imur diserang dengan perasaan putus asa yang membunuh, kebekuan yang membatukan, kebaculan yang terkutuk, perasaan rendah diri yang hina, kepondanan yang merempat, kebakhilan dan keakuan yang mengikat tangan mereka dari menghulurkan sesuatu, menghalang mereka berkorban, menukar ummat ini dari satu barisan mujahidin kepada golongan yang leka dan lalai.

Apakah yang diharapkan dari ummat yang diserang hebat dengan penyakit-penyakit di atas, sedangkan penyakit yang paling buruk ialah penjajahan dan perpecahan parti, riba dan syarikat asing yang monopoli, mulhid, pemikiran bebas yang tidak berlandasan dan krisis sistem pelajaran, sistem

perundangan, putus asa dan bakhil, pondan dan bacul, kagum terbadap musuh hingga meniru mereka dalam semua perkara terutama dalam bidang-bidang yang tidak mendatangkan faedah.

Salah satu dari penyakit ini telah cukup untuk membunuh mana-mana ummat yang bersatu dalam satu pembangunan, apatah lagi untuk membunuh ummat yang berpecah belah sama sendiri. Kalaulah tidak kerana kewibawaan, keengganan, tabah hati, kecekalan yang ada pada ummat timur yang telah diseret musuh dengan rantai permusuhan dari jauh, dipujuk untuk disuntik dengan kuman penyakit-penyakit di atas sejak zaman berzaman sehingga kuman-kuman itu telah biak...kalaulah tidak kerana perkara-perkara ini sudah lama bangsa timur ini tumpas dan kesannya tidak akan dapat dilihat dalam wujud. Tetapi Allah dan orang-orang mu'min tidak merelai perkara ini berlaku.

Saudaraku..,
Inilah diagnosis yang dapat dirasakan oleh Ikhwan Muslimun pada penyakit-penyakit ummat ini dan kerana inilah mereka bekerja untuk menyembuhkan ummat ini dari penyakitnya, mengembalikan kesihatan dan keremajaannya yang telah hilang.

HARAPAN DAN PERASAAN

Sebelum saya membicarakan tentang wasilah yang harus ada pada kita, saya harap saudara mengetahui bahawa kita tidak putus asa di atas apa yang berlaku pada diri kita, kita mengharapkan kebaikan, kita percaya bahawa tidak ada yang menghalang kita dari kejayaan selain dari perasaan putus asa. Bila harapan kuat dalam jiwa kita insya Allah kita akan mencapai kemenangan dan kebaikan. Oleh itu kita tidak akan putus asa dan alhamdulillah putus asa tidak pernah menembusi pintu hati kita.

Suasana di sekeliling kita meniupkan harapan, sekalipun mereka yang membayangkan sesuatu yang buruk kekal dalam sangkaannya. Bila mulanya beliau bercakap dan bergerak kemudian beransur diam dan membisu lantas terus tidak bergerak, saudara akan merasa bahawa mautnya semakin hampir, sukar untuk sembuh semula, penyakitnya telah tenat. Tetapi kalau beliau saudara dapati dalam keadaan sebaliknya, dari diam beransur bercakap, dari kaku beransur bergerak, saudara akan merasakan bahawa beliau semakin pulih dan ada perubahan untuk kembali sihat dan 'afiat.

Satu zaman telah berlalu bagi ummat-ummat timur, yang mana dalam zaman itu timur jumud dan beku hinggakan kejumudan dan kebekuan itu menjemu dan membosankannya tetapi sekarang ummat timur telah mendidih dengan satu kesedaran yang menyeluruh dalam segenap dengan perasaan yang hidup dan kuat, memuncak dengan semangat yang kencang. Kalaulah tidak kerana rantai penjajahan yang berat dan pimpinan yang kucar kacir nescaya kebangunan ini telah meninggalkan kesan yang menggembirakan, rantai yang berat itu tidak lagi akan merantai sepanjang masa, zaman akan berputar. Allah akan merobah dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain dalam sekelip mata. Orang-orang yang terpesona tidak akan terus terpesona, kesedaran dan pertunjuk akan mengiringi kesesatan, ketenangan akan membuntuti kegawatan, perkara silam dan akan datang terserah kepada kekuasaan Allah.
Oleh itu kita tidak sekali-kali berputus asa, ayat-ayat Allah, Hadith-hadith RasuluLlah Sallailahu 'alaihi Wasallam dan Sunnah Allah dalam mendidik ummat dan membangunkan bangsa yang hampir-hampir tumpas, kisah-kisah yang diceritakan oleh Al qur'an kepada kita dalam soal ini adalah menyeru kita supaya mempunyai harapan yang besar, memimpin kita kepada kebangunan yang sebenarnya... Orang-orang Islam akan mengetahui perkara ini andainya mereka mempelajarinya.

Di awal surah Al Qasas saudara akan terbaca firman Allah:
"Ta Sin Mim, inilah ayat-ayat Kitab (Qur'an) yang nyata. Kami bacakan (bacakan) padamu sebahagian kisah Musa dan Fir'aun dengan benar untuk orang-orang yang beriman. Sesungguhnya

Fir'aun telah bermaharaja lela di bumi, menjadikan penduduknya berpecah belah, menindas segolongan dari mereka, menyembelih anak- anak lelaki mereka dan membiarkan perempuan-perempuan mereka hidup. Sesungguhnya Fir'aun termasuk dalam golongan orang yang melakukan kebinasaan. Dan kami ingin memberi kurnia kepada orang- orang yang tertindas di bumi dan kami jadikan mereka pemimpin dan menjadikan mereka orang-orang yang mewarisinya (bumi) dan kami teguhkan kedudukan mereka di bumi dan kami perlihatkan kepada Fir'aun dan Haman beserta tenteranya apa yang sering mereka khuatirkan darimereka itu':

Saudara baca ayat ini dan saudara lihat bagaimana kebatilan berlaku kejam dan berbangga dengan kekuatannya, yakin dengan kebesarannya, lupa pada kebenaran dan hak yang sering memerhatikannya, hingga apabila beliau merasa senang hati dan gembira dengan apa yang ada padanya, Allah menelungkupkannya dengan kekuasaannya yang tidak dapat dihalang, iradah Allah yang tidak merelai selain kemenangan orang-orang yang dizalimi, menolong orang-orang yang tertekan dan tertindas lantas dengan itu kebatilan akan terbungkar dari akar umbinya dan kebenaran tegak dengan binaannya yang kokoh dan kuat. Dengan itu pejuang-pejuang kebenaran akan menang.

Ayat ini dan ayat-ayat yang seumpamanya di dalam Al Qur'an tidak memberi keuzuran kepada mana-mana ummat yang beriman kepada Allah, RasulNya dan kitabNya untuk berputus asa dan menyerah kalah. *Bilakah ummat Islam akan memahami kitab Allah?*

Saudara, oleh kerana pengertian yang seperti ini, dan ianya banyak terdapat dalam agama Allah maka Ikhwan Muslimin tidak pernah merasa putus asa dari pertolongan Allah terhadap ummat ini sekalipun pada kenyataannya banyak halangan dan rintangan. Berdasarkan harapan inilah mereka bekeria bersungguh-sungguh dan dengan penuh harapan. Hanya Allah tempat minta pertolongan.

Adapun wasilah yang telah saya janjikan untuk membicarakannya tadi adalah terkandung dalam tiga rukun. Di sekitar tiga rukun inilah berputarnya fikrah Ikhwan Muslimin.

Pertama -- Manhaj-manhaj yang sahih. Ikhwan telah mendapati manhaj ini dalam kitab Allah dan sunnah RasulNya juga dalam hukum-hukum Islam bila orang-orang Islam memahami hukum-hukum itu dengan fahaman yang sebenarnya suci bersih, jauh dari campur aduk dan rekaan yang diada-adakan. Oleh itu Ikhwan Muslimin tekun mengkaji Islam di atas dasar ini, kajian yang mudah, luas dan mencakup segenap bidang.

Keduanya – Pekerja-pekerja yang beriman. Bertolak dari rukun kedua inilah maka Ikhwan Muslimin telah mewajibkan ke atas diri mereka untuk melaksanakan spa yang mereka fahami dari agama Allah tanpa berlembut dan bertolak ansur. Alhamdulillah mereka beriman dengan fikrah mereka, yakin dengan matlamat mereka, percaya terhadap pertolongan Allah kepada mereka selagi mereka bekeria untuk Allah dan berialan mengikut pertunjuk RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam.

Ketiganya -- Pemimpin yang cekal dan dipercayai. Ikhwan Muslimin telah mendapati pimpinan yang seperti ini. Mereka mematuhi dan bekerja di bawah benderanya.

Saudaraku, inilah secara umum apa yang ingin saya bicarakan dengan saudara tentang dakwah kita, perbincangan yang masih boleh dita'birkan dan saudara adalah Yusuf yang mampu membuat penta'biran kepada impian ini. Apabila saudara tertarik dengan dakwah ini, maka letakkanlah tangan saudara di atas tangan kami agar kita dapat sama-sama bekerja di jalan ini.
Hanya Allah yang akan memberi taufiq kepada saudara dan kami, dialah tumpuan harapan kita, dialah sebaik-baik tempat kita berserah:
"Dia (Allah) adalah pelindungmu, maka dialah sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik penolong':

"Allah maha besar dan segala puji bagi Allah".

Ringkasan

DAKWAH KITA.

Terusterang : matlamat dan tujuan kita.
Suci : tiada kepentingan/ tidak mengharapkan apa-apa dari manusia.
Kasih sayang : kasih kepada umat lebih dari diri sendiri / sanggup berkorban/ itu hanya sedikit / semoga mereka peroleh petunjuk dari Allah.
Empat jenis golongan:
Mukmin: percaya dengan fikrah kita/ seru agar bersama / tiada guna iman tanpa amal/ tabiat pengikut Rasul dahulu.
Ragu-ragu: belum kenal fikrah dan ragui keikhlasan kita/ minta sentiasa berhubung dan baca tentang kita.
Mengejar manfaat : berkepentingan/ nyatakan kita tiada lain kecuali Allah / Semoga Allah buka pintu hatinya apa di sisi Allah lebih baik.
Jahat Sangka : pandang buruk, ragui/ doakan untuk mereka/ kita tak boleh beri petunjuk/ kasihi mereka.

Fana : Dakwah ini sesuai untuk yang berikan sepenuh diri untuknya/ tiada kongsi/ siapa tak mahu Allah akan gantikan dengan orang lain.
Jelas : seru manusia kepada suatu yang jelas/ manusia semua tahu masalah dan penyelesaian mereka.

Dua jenis iman : dalam umat ini ada:
- iman mandul, mati dan tidur lesu
- ada iman hidup

Ketika berbicara semua rasai semangat tetapi kemudian tidak ada apa-apa tindakan / pejuang larut bersama orang ramai.
Kita mahu gerakkan iman yang hidup.

Pelbagai seruan:
- Dunia penuh dengan seruan/ semua dakwa mereka betul dan paling baik.
- Penyeru hari ini mengguna pelbagai macam cara jalan dakyah dan seruan untuk buktikan mereka betul dan pengaruhi manusia/ wasilah pelbagai diguna.
- Di mana kita ?

Saya akan terangkan : hakikat bentuk dakwah kita / sikap kita dengan kumpulan lain.
- Sifat utama dakwah kita - ISLAMIYYAH dengan pengertian yang menyeluruh.
- Pengertian ini bukan diadakan oleh kita - ianya dari Al-Quran dan Sunnah.
- Sikap kita terhadap mereka - bergantung selari atau tidak dengan prinsip kita.

Patriotik & Nasionalisma:
Orang timur bersemangat keduanya untuk melawan barat/ tidak tahu patriotisma dan nasionalisma Islam adalah lebih baik.
- Patriotik kasihsayang - disuruh Islam / Bilal
- Patriotik keagungan & kemerdekaan - disuruh Islam
- Patriotik kemasyarakatan - bina kekuatan dan hubungan - Islam galakkan.
- Penaklukan - Islam suruh dengan tujuan baik - jihad.
- Patriotik perkauman - bergaduh, pecah dan berbaik dengan musuh - tidak diterima Islam.

PATRIOTIK kita :
- Batasnya aqidah bukan tanah.
- Matlamat kerja - menyebarkan Islam bukanya kebendaan.
- Bangsa akan pecah? Tidak, bahkan lebih mudah untuk berada di bawah payung Islam dari mana-mana bangsa.

Nasionalisma:
Nasionalis apa?
- Mengikut generasi dulu yang hebat - baik
- Lebih layak menerima kebaikannya - baik
- Tiap kumpulan bekerja dalam kumpulannya untuk sampai tujuan - baik

TETAPI jika nasionalis menghidupkan adat jahiliyyah, berbangga dengan keturunan, memandang rendah orang lain - keji.
- Manusia semua sama - dari Adam/ hanya taqwa penentu.
- Manusia didepan kita 2 jenis : sama aqidah dan tidak sama.

PERSELISIHAN PENDAPAT DALAM AGAMA.
- Dakwah kita bersama kebenaran dimana jua/ sukakan kesatuan dan kasih sayang.

- Perselisihan pasti berlaku kerana perbezaan kekuatan minda, zuruf, penerimaan hadis dan perbezaan menilai dalil.
- Ijma dalam furu mustahil berlaku.
- Maaf atas perbezaan pandangan - kita semua tetap Islam dan ingin patuh kepada Allah - ini lebih kukuh untuk bersatu.
- Kita perlu bersatu untuk menyelamatkan agama.

PENYAKIT UMAT

- Ummat sedang sakit - siasah/ ekonomi/ pemikiran/ kemasyarakatan/ kejiwaan dll.
- Apa diharap lagi dari ummat ini?

HARAPAN DAN PERASAAN.

Kita masih belum putus asa - ramai yang berpenyakit kembali sembuh (awal surah Qasas)

Kita tetap akan bersungguh melalui 3 rukun wasilah ini:

- Manhaj yang betul - Al-Quran dan Sunnah.
- Pekerja yang benar-benar beriman - beriman dengan fikrah dan melaksanakan.
- Pemimpin yang cekal dan thiqah.

Adikku..

Di saat kita hanya berfikir untuk hidup bagi diri sendiri, terasalah oleh kita bahwa kehidupan ini begitu sempit dan pendek.. dimulai dari kelahiran kita dan berakhir semasa kematian, berangkat dari pertama kali kita digelarkan di atas bumi dan kembali ke bumi lagi.

Tetapi adikku..

Jika hidup kita untuk akidah dan untuk orang lain, maka terasalah hidup ini cukup luas dan panjang. Ia lahir bersama dengan kemanusiaan dan hanya akan mati setelah roh terlepas dari jasad kasar ini, berpisah dengan bumi. Kita akan merasa sangat berbahagia dan puas. Umur kita berlipat ganda melebihi jumlah angkanya, walaupun ia lebih kecil dari hitungan tahunnya. Itulah kebahagiaan yang hakiki, bukan kebahagiaan fantasi.

Dalam kehidupan yang seperti itu, tergambarlah keuntungan yang kita peroleh dari sejak awal kelahiran kita, dari hari ke hari, dari masa ke masa, dan seluruh umur kita, dalam perasaan kita, pada setiap langkah kita.

Terasa betul bahawa hidup ini bukan hanya sekadar berapa lama nafas ini keluar masuk dari tubuh kita, dan bukan pula berapa banyak jumlah angka umur kita, tetapi hidup ini diukur dan dinilai dari "kepuasan rohani" yang dapat kita rasakan !

Kenyataan seperti inilah yang disebut "realiti" dan "hakikat", bukan Imaginasinya kaum realistis materialistis itu. Dan inilah hakikat hidup di atas segala hakikat yang mereka pergunakan.

Kita akan merasakan bahagia yang berlimpah-limpah, bila kita hidup untuk manusia lain. Seberapa kadar perasaan untuk hidup bersama orang lain, maka berlipat gandalah perasaan terhadap kehidupan kita sendiri, dus bererti kehidupan ini dengan sendirinya akan berlipat dan melimpah-limpah, akhirnya kita merasa bahagia hidup di dalamnya !

Petikan dari surat As-Syaheed Sayyid Qutb kepada adiknya Hamidah Qutb di luar penjara.

دعاء الرابطة

اللهم انك تعلم أن هذه القلوب قد اجتمعت على محبتك، والتقت على طاعتك، وتوحدت على دعوتك، وتعاهدت على نصرة شريعتك، فوثق اللهم رابطتها، وأدم ودها، واهدها سبلها، واملئها بنورك الذى لا يخبو، واشرح صدورها بفيض الإيمان بك، وجميل توكل عليك، واحيها بمعرفتك، وأمتها على الشهادة فى سبيلك، إنك نعم المولى ونعم النصير.

Ya Allah, Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui bahawa hati-hati ini telah berhimpun kerana kecintaan kepadaMu, mereka telah bertemu kerana mentaatiMu, mereka telah bersatu kerana dakwahMu, mereka telah berjanji untuk menolong menegakkan syariatMu..
Oleh itu Ya Allah..
Eratkanlah hubungan ikatan ini, teruskan kasih sayangnya, berilah petunjuk untuknya.
Ya Allah.. penuhilah hati ini dengan cahayaMu yang tidak padam-padam, terangkanlah hati ini dengan limpahan iman dan tawakkal kepadaMu, hidupkanlah hati ini dengan mengenaliMu..
DAN matikanlah kami sebagai syaheed di jalanMu..

!..Engkaulah sebaik-baik Penjaga dan sebaik-baik penolong

جدد العهد

جدد العهد وجنبنى الكلام إنما الإسلام دين العاملين
ونشر الحق ولا تخش الطغاة فبصدق العزم يعلو كل دين
فتية الإسلام هيا نتفانى فى الجهاد
لنرى القرآن هديا ساطعا فى كل واد
وطنى الإسلام لا أفدى سواه وبنوه أين كانوا إخوتى
مصر والشام ونجد ورباه مع بغداد جميعا أمتى
برئ الإسلام من شاك مضيم لا يراه غير صوم وصلاة
ذروة الدين جهاد فى الصميم فلنجاهد أو لتلفظنا الحياة
لا تقل ينقصنا سيف ونار إن بالإيمان تندك الجبال
وقديما لاذ كسرى بالفرار خوف غزل من بنى العرب قلال
سجل الفتيان عهدا صادقا أنهم للحق والعليا فدا
بارك اللهم هذا الموثقا واستعدوا قد دنا يوم الندا